

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATUK JUMAT BIN IDRIS**  
**TARIKH : 26.07.2017**  
**SOALAN : NO.15**

**Datuk Jumat Bin Idris [Sepanggar] minta MENTERI PENDIDIKAN TINGGI**

menyatakan :-

- (a) berapakah bilangan mereka yang dikesan menggunakan gelaran Dr palsu; dan
- (b) apakah usaha Kementerian untuk membendung masalah ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) tidak menerima laporan berhubung penyalahgunaan gelaran Dr. di institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS). Walau bagaimanapun, terdapat satu kes berkaitan yang dilaporkan di Universiti Awam (UA) pada tahun 2016.

Bagi mengekang penularan kes-kes kelulusan akademik palsu terutamanya Ijazah Kedoktoran (PhD), KPT telah mengambil langkah-langkah berikut:

- (a) bekerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sekiranya melibatkan Penawaran Ijazah Palsu

melalui internet bagi menyekat mana-mana laman web yang disyaki;

- (b) bekerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) sekiranya melibatkan penipuan sijil yang boleh menyebabkan kerugian ke atas mana-mana pihak;
- (c) memberi kesedaran kepada masyarakat agar sentiasa berhati-hati dengan menyemak status sijil individu melalui Agensi Kelayakan Malaysia sekiranya melibatkan institusi di Malaysia dan sekiranya institusi luar negara, ianya boleh disemak melalui pihak berkuasa negara berkenaan;
- (d) membangunkan pangkalan data pemegang PhD bagi semua UA. Ia bertujuan untuk memudahkan semakan secara setempat berbanding sebelum ini dimana data hanya disimpan oleh UA masing-masing. Kini, pangkalan data ini boleh juga digunakan untuk menyemak bagi Penerima Anugerah Ijazah Kehormat, Profesor Emeritus, Profesor Diraja dan Profesor Ulung; dan
- (e) menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan ke atas IPTS bagi memastikan kepatuhan terhadap akta dan peraturan di bawah Akta 555 (Akta IPTS 1996). Akta tersebut turut memperuntukkan bahawa tenaga pengajar IPTS perlu mendapatkan permit mengajar yang dikeluarkan oleh Ketua Pendaftar sebelum dibenarkan mengajar di mana-mana IPTS.